Lengkapkan petikan di bawah dengan perkataan yang betul.

membawa	membeli	duduk	berkongsi
memberi	gembira	mengucapkan	kantin

Loceng berbunyi menandakan waktu rehat. Fai dan Suresh pergi ke (1) _____. Mereka ternampak akan Lee Keat (2) _____ di bangku. Wajahnya agak sedih. Mereka segera mendekati Lee Keat lalu menegurnya.

Lee Keat memberitahu bahawa dia tidak (3) _____ wang. Faiz membawa bihun goreng dari rumah. Suresh pula membawa sandwich. Mereka (4) _____ makanan dengan Lee Keat. Suresh (5) _____ wang kepada Lee Keat untuk (6) _____ minuman.

Lee Keat (7) _____ terima kasih kepada Faiz dan Suresh. Lee Keat berasa (8) _____ mempunyai rakan yang baik hati.



LIVEWORKSHEETS

Lengkapkan petikan di bawah dengan ayat yang betul.

Mereka dikehendaki membawa lampu suluh dan cota.
Anggota Skim Rondaan Sukarela harus memulangkan peralatan sebelum pulang.
Para penduduk akan melakukan rondaan secara bergilir-gilir pada waktu malam.
Sebelum memulakan tugas, beliau akan memberikan panduan kepada anggota yang lain.

Persatuan Penduduk Taman Berlian menubuhkan Skim Rondaan Sukarela untuk menjaga keselamatan kediaman mereka. (1) _____

_____

Encik Jamil Ketua Skim Rondaan Sukarela. (2) _____

_____

Anggota yang bertugas hendaklah menulis nama dan masa kehadiran di dalam buku kehadiran. Setelah itu, anggota perlulah berkumpul di balai raya.

Mereka harus mendengar taklimat daripada ketua kumpulan sebelum bertugas. Kemudian, mereka mula melakukan rondaan. (3) _____

_____

Selepas melakukan rondaan, ketua kumpulan akan menulis laporan. (4)

_____

LIVEWORKSHEETS